



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Pinjaman (Bank Pembangunan Asia) 1968

DR.35/1968

RANG UNDANG² PINJAMAN (BANK
PEMBANGUNAN ASIA)

SUSUNAN FASAL²

Fasal

1. Tajok ringkas dan pemakaian.
2. Tafsiran.
3. Kuasa Persekutuan meminjam daripada Bank Pembangunan Asia.
4. Kuasa mengeluarkan suratchara termasuk bon.
5. Peminjaman oleh pihak-berkuasa berkanun daripada Bank.
6. Penggunaan wang pinjaman oleh pihak-berkuasa berkanun.
7. Kuasa Persekutuan menjamin pinjaman Bank kepada pihak-berkuasa² berkanun.
8. Sekatan atas kuasa² pihak-berkuasa berkanun meminjam sa-lagi jaminan maseh belum selesai.
9. Kuasa yang boleh di-jalankan oleh Kerajaan sa-kira-nya pihak-berkuasa berkanun mungkir.
10. Pihak-berkuasa berkanun hendak-lah membayar balek kepada Kerajaan wang yang di-bayar menurut jaminan.
11. Timbang-antara.
12. Pelaksanaan tanggungan di-bawah perjanjian.

RANG UNDANG²

bernama

Suatu Act bagi membuat peruntukan untuk Persekutuan atau pihak-berkuasa² berkanun tertentu mendapatkan pinjaman daripada Bank Pembangunan Asia dan untuk perkara² yang bersangkutan dengan-nya.

[]

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, seperti berikut:

1. (1) Act ini boleh-lah di-namakan Act Pinjaman (Bank Pembangunan Asia), 1968.

Tajok
ringkas dan
pemakaian.

(2) Act ini hendak-lah di-pakai di-seluruh Persekutuan.

2. Dalam Act ini, melainkan jika kandungan ayat-nya menghendaki ma'ana yang lain—

Tafsiran.

“Bank” erti-nya Bank Pembangunan Asia;

“Pihak-berkuasa berkanun” erti-nya suatu pihak-berkuasa tempatan dan mana² pertubohan yang di-perbadankan di-bawah mana² undang² bertulis dan menjalankan kuasa² yang terletak pada pertubohan tersebut di-sisi undang² bagi maksud awam;

“Mentri” erti-nya Menteri Kewangan.

3. (1) Terta'alok kepada peruntukan² Perlembagaan dan Act ini, Kerajaan Persekutuan boleh dengan apa² chara dan mengikut apa² peruntukan dan dengan terta'alok kepada apa² syarat sa-bagaimana yang di-persetujui di-antara Kerajaan dengan Bank meminjam daripada Bank dari sa-masa ka-samasa apa² jumlah wang yang di-kehendaki oleh Kerajaan.

Kuasa
Persekutuan
meminjam
daripada
Bank Pem-
angunan
Asia.

(2) Apa² jumlah wang yang di-pinjam oleh Kerajaan di-bawah kuasa yang di-beri oleh seksyen-kecil (1) bagi keperluan Kerajaan hendak-lah di-bayar kepada Kumpulan Wang Pembangunan dan, walau apa pun peruntukan

70 tahun
1966.

sekshen 3 Act Kumpulan Wang Pembangunan, 1966, hendak-lah di-gunakan dan ada-lah dengan ini di-peruntokkan bagi maksud wang tersebut telah di-pinjam sa-bagaimana yang di-nyatakan dalam mana² perjanjian yang di-buat dengan Bank mengenai wang yang di-pinjam itu:

Dengan sharat bahawa jika apa² bahagian daripada wang itu tidak dapat di-gunakan bagi maksud² tersebut di-atas, bahagian tersebut boleh-lah di-gunakan bagi apa² maksud lain yang di-luluskan oleh Mentri dan Bank.

(3) Apa² perjanjian antara Kerajaan dengan Bank mengenai wang yang di-pinjam di-bawah kuasa yang di-beri oleh sekshen-kecil (1) hendak-lah di-buat atas nama Kerajaan Malaysia dan boleh di-tandatangan bagi pihak Kerajaan oleh Mentri atau sa-siapa yang di-benarkan bagi maksud itu dengan bertulis oleh Mentri.

(4) Dengan sa-berapa segera yang boleh sa-lepas penyempurnaan tersebut suatu naskhah bagi apa² perjanjian yang telah di-buat dengan Bank mengenai apa² wang yang di-pinjam di-bawah kuasa yang di-beri oleh sekshen-kecil (1) hendak-lah di-bentangkan oleh Mentri dalam Dewan Ra'ayat.

(5) Tiada apa² pun dalam peruntukan sekshen ini boleh menyentoh atau melemahkan apa² kuasa lain untok meminjam wang yang ada pada Kerajaan.

Kuasa
mengeluar-
kan surat-
chara
termasok
bon.

4. (1) Walau apa pun yang terkandung dalam mana² undang², Kerajaan boleh mengeluarkan apa² bon, surat janjihutang atau lain² suratchara mengikut apa² peruntukan dan sharat sa-bagaimana yang perlu bagi maksud melaksanakan sharat² sa-suatu perjanjian yang telah di-buat olehnya dengan Bank mengenai apa² peminjaman yang di-benarkan oleh sekshen-kecil (1) sekshen 3.

(2) Mana² bon, surat janjihutang atau lain² suratchara tersebut boleh di-tandatangan bagi pihak Kerajaan oleh Mentri atau oleh sa-saorang lain yang di-benarkan bagi maksud itu dengan bertulis oleh Mentri.

Peminjaman
oleh pihak-
berkuasa
berkanun
daripada
Bank.

5. (1) Terta'alok kepada peruntukan² Perlembagaan dan Act ini, sa-suatu pihak-berkuasa berkanun boleh, dengan apa² chara dan mengikut apa² peruntukan dan dengan terta'alok kepada apa² sharat sa-bagaimana yang di-persetujui di-antara pihak-berkuasa berkanun tersebut dengan Bank dan dengan kelulusan bertulis daripada Mentri yang di-dapati terlebih dahulu, meminjam daripada Bank dari sa-masa ka-samasa apa² jumlah wang yang di-kehendaki oleh pihak-berkuasa berkanun itu.

(2) Kuasa untuk meminjam yang di-beri oleh sekshen ini kepada pehak-berkuasa berkanun ada-lah tambahan kepada kuasa untuk meminjam yang di-beri kepada pehak-berkuasa berkanun itu oleh mana² undang² bertulis yang lain.

(3) Walau apa pun yang terkandung dalam mana² undang² bertulis, pehak-berkuasa berkanun boleh menggadaikan atau menggadaikanji semua atau mana² bahagian harta (yang boleh di-aleh atau yang ta' boleh di-aleh), usaha atau hasil-nya sa-bagai chagaran bagi apa² jumlah wang yang terhutang kepada Bank berkenaan dengan wang yang di-pinjam oleh-nya di-bawah kuasa yang di-beri oleh sekshen-kecil (1).

(4) Walau apa pun yang terkandung dalam mana² undang² bertulis, sa-suatu pehak-berkuasa berkanun boleh mengeluarkan apa² bon, surat janjihutang dan lain² surat-chara mengikut apa² peruntukan dan sharat yang perlu bagi maksud melaksanakan mana² perjanjian yang di-buat oleh-nya dengan Bank mengenai apa² peminjaman yang di-benarkan oleh sekshen-kecil (1).

6. Apa² jumlah wang yang di-pinjam oleh pehak-berkuasa berkanun di-bawah kuasa yang di-beri oleh sekshen-kecil (1) sekshen 5 hendak-lah di-gunakan oleh pehak-berkuasa itu bagi maksud² wang itu di-pinjam sa-bagai-mana di-nyatakan dalam mana² perjanjian yang di-buat di-antara Bank mengenai wang yang di-pinjam itu:

Penggunaan wang pinjaman oleh pehak-berkuasa berkanun.

Dengan sharat bahawa jika apa² bahagian daripada wang itu tidak dapat di-gunakan bagi maksud² tersebut di-atas, bahagian itu boleh-lah di-gunakan oleh pehak-berkuasa berkanun itu bagi apa² maksud lain yang di-luluskan oleh Mentri dan Bank.

7. (1) Kerajaan boleh dengan apa² chara dan mengikut apa² peruntukan dan dengan terta'alok kepada apa² sharat yang di-persetujui di-antara-nya dengan Bank—

Kuasa Persekutuan menjamin pinjaman Bank kepada pehak-berkuasa² berkanun.

(a) menjamin penyempurnaan oleh sa-suatu pehak-berkuasa berkanun akan tanggungan²-nya di-bawah apa² perjanjian yang di-buat oleh pehak-berkuasa berkanun itu dengan Bank mengenai

apa² peminjaman yang di-benarkan oleh sekshen-kecil (1) sekshen 5 atau di-bawah apa² bon, surat janjihutang atau lain² suratchara yang di-keluarkan menurut mana² perjanjian itu; dan

- (b) menyanggup apa² tanggungan lain sa-bagaimana yang di-persetujui di-antara Kerajaan dengan Bank berkenaan dengan atau menurut mana² perjanjian, bon, surat janjihutang, atau suratchara itu.

(2) Tiap² jaminan atau sanggupan yang di-beri di-bawah sekshen ini hendak-lah di-beri dengan bertulis atas nama Kerajaan Malayia dan jaminan atau sanggupan itu dan apa² chatitan di-dalam mana² bon, surat janjihutang atau lain² suratchara mengenai apa² jaminan yang di-beri di-bawah sekshen ini boleh di-tandatangani bagi pihak Kerajaan oleh Mentri atau oleh sa-saorang atau beberapa orang yang di-benarkan bagi maksud itu dengan bertulis oleh Mentri.

(3) Dengan sa-berapa segera yang boleh sa-lepas sa-suatu jaminan atau sanggupan di-beri di-bawah sekshen ini, Mentri hendak-lah membentangkan dalam Dewan Ra'ayat suatu kenyataan mengenai jaminan atau sanggupan itu.

Sekatan atas kuasa² pihak-berkuasa berkanun meminjam sa-lagi jaminan maseh belum selesai.

8. Sa-lagi Kerajaan maseh bertanggung di-bawah apa² jaminan atau lain² sanggupan yang di-beri pada menjalankan kuasa² yang di-beri oleh sekshen-kecil (1) sekshen 7 mengenai apa² peminjaman pihak-berkuasa berkanun, pihak-berkuasa berkanun itu tidak boleh menjalankan apa² kuasa lain untuk meminjam yang ada pada-nya, melainkan dengan persetujuan Mentri.

Kuasa yang boleh di-jalankan oleh Kerajaan sa-kira-nya pihak-berkuasa berkanun mungkir.

9. (1) Jika sa-kira-nya di-kemukakan kepada Yang di-Pertuan Agong bahawa ada sebab² yang menasabah bagi memperchayai—

- (a) bahawa sa-suatu pihak-berkuasa berkanun harus mungkir atau tidak berupaya menyempurnakan mana² tanggungan-nya di-bawah mana² perjanjian yang di-buat oleh-nya dengan Bank atau di-bawah mana² bon, surat janjihutang atau lain² suratchara yang di-keluarkan menurut mana² perjanjian itu; dan

- (b) bahawa Kerajaan ada-lah atau akan bertanggung di-bawah mana² jaminan atau lain² sanggupan yang di-beri pada menjalankan kuasa² yang di-beri oleh sekshen-kecil (1) sekshen 7 mengenai tanggungan tersebut,

Yang di-Pertuan Agong boleh dengan perintah memberi apa² arahan atau membenarkan sa-saorang lain memberi apa² arahan kepada pehak-berkuasa berkanun sa-bagai-mana yang di-fikirkan perlu atau di-kehendaki oleh-nya atau oleh orang lain itu dari sa-masa ka-samasa bagi memastikan supaya perkiraan² yang memuaskan di-buat oleh pehak-berkuasa berkanun bagi membolehkan ia menyempurnakan tanggongan-nya dengan sa-patut-nya di-bawah perjanjian, bon, surat janjihutang atau suratchara tersebut atau di-bawah Act ini.

(2) Pehak-berkuasa berkanun hendak-lah, walau apa pun peruntukan yang terkandung dalam undang² bertulis yang telah menubohkan-nya, mematohi apa² arahan yang di-beri oleh atau di-bawah mana² perintah tersebut.

(3) Tiada apa² pun dalam peruntukan sekshen ini boleh menyentoh atau melemahkan apa² kuasa lain yang di-beri oleh undang² kepada Yang di-Pertuan Agong atau mana² Mentri atau pegawai awam berkenaan dengan pehak-berkuasa berkanun itu.

10. (1) Jika apa² wang di-bayar daripada Kumpulan Wang yang di-Satukan berkenaan dengan apa² tanggongan yang di-lakukan oleh Kerajaan di-bawah sa-suatu jaminan atau lain² sanggupan yang di-beri pada menjalankan kuasa² yang di-beri oleh sekshen-kecil (1) sekshen 7 berkenaan dengan mana² peminjaman pehak-berkuasa berkanun maka pehak-berkuasa berkanun itu hendak-lah membayar balek wang itu (beserta dengan bunga atas-nya mengikut kadar yang sama saperti yang kena di-bayar atas pinjaman itu di-bawah perjanjian pehak-berkuasa berkanun dengan Bank) kepada Kumpulan Wang yang di-Satukan dengan apa² chara dan pada bila² masa atau dengan apa² ansoran sa-bagaimana yang di-arahkan oleh Mentri.

Pehak-berkuasa berkanun hendak-lah membayar balek kepada Kerajaan wang yang di-bayar menurut jaminan.

(2) Jika apa² wang di-bayar demikian itu daripada Kumpulan Wang yang di-Satukan Mentri hendak-lah dengan sa-berapa segera yang boleh sa-lepas akhir tahun kewangan yang bermula dengan tahun kewangan bila wang tersebut telah di-bayar dan berakhir dengan tahun kewangan bila segala tanggongan berkenaan dengan wang itu dan apa² bunga yang kena di-bayar atas-nya telah di-selesaikan pada akhir-nya oleh pehak-berkuasa berkanun yang berkenaan itu, membentangkan dalam Dewan Ra'ayat suatu kenyataan berkenaan dengan-nya.

Timbang-
antara.

11. Jika apa² pertikaian antara Bank sa-bagai satu pihak dengan Kerajaan atau dengan pihak-berkuasa berkanun atau dengan kedua²-nya sa-bagai satu pihak yang satu lagi timbul di-bawah mana² perjanjian yang di-buat atau di-bawah mana² jaminan atau sanggupan yang di-beri pada menjalankan kuasa² yang di-beri oleh Act ini atau di-bawah mana² bon, surat janjihutang atau apa² suratchara yang di-keluarkan menurut perjanjian itu maka pertikaian itu hendak-lah di-putuskan dengan jalan timbangantara mengikut chara yang di-persetujui di-antara kedua² pihak dan apa² keputusan yang di-buat dalam timbangantara itu boleh-lah di-kuatkuasakan di-Persekutuan dalam segala perkara sa-olah² keputusan itu telah di-buat dengan sah-nya dalam sa-suatu timbangantara di-bawah peruntukan Ordinance Timbangantara, 1950, atau di-bawah mana² undang² bertulis yang lain berkenaan dengan timbangantara yang pada masa itu berkuatkuasa di-Persekutuan dan bagi maksud sekshen ini peruntukan Ordinance atau undang² tersebut hendak-lah mengikati Kerajaan.

12 tahun
1950.

Pelaksanaan
tanggungan
di-bawah
perjanjian.

12. (1) Terta'alok kepada peruntukan² Perlembagaan tetapi walau apa pun yang terkandung dalam mana² undang² lain yang berkuatkuasa apa² perjanjian yang di-buat dengan Bank mengenai apa² peminjaman yang di-benarkan oleh sekshen-kecil (1) sekshen 3 atau sekshen-kecil (1) sekshen 5 dan apa² bon, surat janjihutang atau lain² suratchara yang di-keluarkan menurut mana² perjanjian itu dan apa² jaminan atau sanggupan yang di-beri mengenai mana² perjanjian, bon, surat janjihutang atau suratchara oleh Kerajaan atau sa-suatu pihak-berkuasa berkanun ada-lah sah dan boleh-lah di-kuatkuasakan dan juga ada-lah mempunyai kuatkuasa dan pelaksanaan yang sa-penoh-nya di-Persekutuan mengikut peruntukan²-nya masing².

(2) Dengan tidak menyentuh keluasan ma'ana peruntukan sekshen-kecil (1)—

(a) Menteri boleh membuat peruntukan dengan perintah yang di-siarkan dalam *Warta* supaya apa² chukai atau duti yang kena di-bayar di-bawah Act Chukai Pendapatan, 1967, atau di-bawah Ordinance Setem, 1949, di-hapuskan sa-kira-nya penghapusan itu perlu untuk melaksanakan dengan sa-penoh dan sa-chukup-nya mana² perjanjian, bon, surat janjihutang, suratchara atau jaminan itu;

47 tahun
1967.
59 tahun
1949.

(b) tiada apa² pun dalam peruntokan Ordinance Kawalan Pertukaran, 1953, boleh di-pakai bagi apa² urusan yang di-kehendaki bagi melaksanakan pembayaran dengan apa² matawang apa² jumlah wang mengikut peruntokan² perjanjian, suratchara, bon atau jaminan itu dengan apa² matawang. 57 tahun
1953.

(3) Kerajaan atau mana² perejenan-nya atau mana² pehak-berkuasa berkanun atau Bank Negara Malaysia tidak boleh, kechuali jika sa-lain-nya di-persetujui di-antara Menteri dengan Bank, mewujudkan apa² lien ka-atas mana² aset-nya sa-bagai chagaran bagi apa² hutang di-luar negeri melainkan jika ada di-peruntokkan dengan nyata-nya bahawa lien itu pada hakikat-nya akan sa-chara yang sama dan dengan mengikut peringkat-nya menjamin pembayaran wang pokok mana² pinjaman dan bunga dan lain² bayaran atas mana² pinjaman itu yang di-beri oleh Bank kepada Kerajaan atau kepada sa-suatu pehak-berkuasa berkanun atau menjamin pembayaran apa² bon, surat janjihutang atau suratchara yang di-keluarkan menurut mana² pinjaman itu.

(4) Dalam sekshen-kechil (3)—

“lien” termasuk-lah gadaijanji, chagaran, gadaian, keis-timewaan dan keutamaan apa² jua pun.

“hutang di-luar negeri” erti-nya apa² hutang yang kena di-bayar dengan apa² chara kechuali dengan matawang yang pada masa yang berkenaan itu ada-lah sah di-perlakukan di-sisi undang² bagi pembayaran hutang sendirian atau hutang ‘awam di-Persekutuan sama ada hutang itu kena di-bayar dengan mutlak-nya atau pun mengikut opsen sipiutang dengan chara yang lain itu.

(5) Bagi maksud sekshen-kechil (3) aset Kerajaan termasuk-lah apa² hak, kepentingan, atau sher yang di-mileki atau mungkin di-mileki oleh Kerajaan dalam Kumpulan Wang Matawang atau mana² bahagian Kumpulan Wang Matawang itu, yang di-tubuhkan di-bawah Perjanjian Matawang Tanah Melayu British Borneo, 1950.

HURAIAN

Rang Undang² ini membuat peruntokan bagi Persekutuan dan juga bagi pehak-berkuasa² berkanun mendapatkan pinjaman daripada Bank Pembangunan Asia.

Fasal 3 membenarkan Kerajaan Persekutuan dari sa-masa ka-samasa meminjam daripada Bank itu apa² jumlah wang sa-bagaimana yang di-kehendaki-nya. Semua wang yang di-pinjam demikian itu ada-lah di-kehendaki di-bayar kepada Kumpulan Wang Pembangunan, tetapi

boleh di-gunakan hanya bagi maksud tertentu pinjaman itu di-beri oleh bank sahaja. Suatu naskhah perjanjian yang di-buat dengan Bank itu mesti-lah dengan sa-berapa segera yang boleh di-bentangkan dalam Dewan Ra'ayat. Fasal 4 membenarkan Kerajaan mengeluarkan bon mengikut peruntokan² yang di-persetujui oleh Bank mengenai pinjaman itu.

Fasal 5 membenarkan mana² pehak-berkuasa berkanun kelulusan Kerajaan meminjam daripada Bank itu dan mengeluarkan bon dan menggadaikan harta-nya mengenai pinjaman itu. Kuasa² ini di-maksudkan sa-bagai tambahan kapada apa² kuasa lain untok meminjam yang ada pada pehak-berkuasa itu. Pehak-berkuasa berkanun ada-lah di-ta'arifkan sa-bagai suatu pehak-berkuasa tempatan atau mana² pertubohan yang di-perbadankan sa-chara langsung menurut undang² bertulis dan menjalankan kuasa yang terletak pada-nya bagi sa-suatu maksud awam. Fasal 6 menghendaki sa-suatu pehak-berkuasa menggunakan wang yang di-pinjam itu bagi maksud² wang itu di-pinjamkan oleh Bank.

Fasal 7 membenarkan Kerajaan Persekutuan menjamin pelaksanaan oleh pehak-berkuasa berkanun akan segala tanggongan-nya di-bawah perjanjian-nya dengan Bank. Fasal 8 menyekat sa-suatu pehak-berkuasa berkanun daripada meminjam sa-lagi jaminan Kerajaan Persekutuan maseh belum selesai. Fasal 9 membenarkan Yang di-Pertuan Agong memberi arahan² kapada sa-suatu pehak-berkuasa berkanun jika ada sebab² yang menasabah untok mengkhuatiri bahawa pehak-berkuasa itu akan mungkir di-atas tanggongan-nya dan akan menyebabkan Kerajaan tertanggung di-bawah jaminan-nya melainkan jika perkiraan² di-buat. Fasal 10 mengadakan peruntokan supaya pehak-berkuasa berkanun membayar balek kapada Kerajaan Persekutuan apa² wang yang telah di-bayar oleh Kerajaan di-bawah jaminan-nya. Fasal 11 mengadakan peruntokan supaya semua perselisehan di-antara Bank dengan Persekutuan atau dengan sa-suatu pehak-berkuasa berkanun di-timbang-antara mengikut syarat² apa² perjanjian dengan Bank. Fasal 12 memberi kuatkuasa dan pelaksanaan penoh kapada syarat² sa-suatu perjanjian dan membenarkan Menteri melaksanakan mana² syarat itu yang berkenaan dengan Chukai Pendapatan dan duti Setem. Fasal itu juga mengechualikan urusan² bagi melaksanakan mana² perjanjian itu daripada peruntokan Ordinance Kawalan Pertukaran, 1953. Fasal ini juga menurut fasal-kecil (3) melarang Kerajaan atau mana² perejenan atau pehak-berkuasa berkanun daripada menggadaikan aset-nya kapada sa-siapa lain daripada Bank kechuali jika sa-lain-nya di-persetujui di-antara Bank dengan Kerajaan.

KUALA LUMPUR,

Julai, 1968

[P.N. 3701/37.]